PERTANDINGAN
WAU KAPAL TRADISI DI UDARA
(SATU PANCANG TEMPURUNG)

19 OGOS 2017 (Sabtu), 8.00 Pagi
Padang Awam Kg. Bukit Kerayong, Kuala Selangor

SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada individu dan berkumpulan.
2. Pendaftaran adalah tepat jam 8.00 pagi dan wau yang dipertandingkan perlu mendapat pengesahan pihak penganjur. Kelewatan peserta tidak akan dilayan.
3. Bayaran yuran berjumlah RM 10.00 bagi setiap penyertaan.
4. Wau yang bertanding perlu mengikut spesifikasi bentuk dan motif yang telah ditetapkan seperti di lampiran.
5. Benang tangsi putih sahaja dibenarkan digunakan.
6. Sekiranya pengadil menangkap kurang / lebih dari 3 pemenang, keputusan tersebut tetap diterima sebagai pemenang.
7. Tiga pemenang di dalam pusingan akhir akan bersaing semula untuk merebut gelaran juara dalam pusingan grand final.
8. Wau yang benangnya terputus selepas pengadil mengesahkan kemenangannya tetap diterima ke pusingan seterusnya.
9. Sekiranya benang terputus sebelum tempurung tenggelam akan dikira kalah.
10. Layang-layang yang menang hendaklah disahkan dimeja urusetia.
11. Layang-layang yang tiada pengesahan dilarang diterbangkan.
12. Sekiranya ribut atau hujan pemenang akan ditentukan melalui undian dan layang-layang yang paling lambat turun akan dikira sebagai pemenang.
13. Wau yang mendapat tempat pertama hingga ketiga akan menjadi hak milik penganjur.
14. Segala masalah atau kemusykilan boleh merujuk di meja urusetia.
15. Urusetia berhak meminda syarat-syarat diatas mengikut keadaan yang sesuai dan segala keputusan adalah muktamad. Sebarang aduan dan rayuan perlu mengemukakan wang sebanyak RM 500.00.
16. Borang penyertaan boleh diperolehi di **www.padat.gov.my** dan borang yang lengkap boleh dihantar kepada:

Urusetia Pertandingan Wau Kapal Tradisi di Udara,
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor,
Persiaran Bandaraya, 40000 Shah Alam
Anas (019-2333554)
Samuri (019-3773984

***** Pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor akan mengadakan Bengkel Pembuatan Wau Kapal Tradisi pada tarikh dan waktu yang akan dimaklumkan kemudian***

HADIAH

KATEGORI WAU KAPAL TRADISI DI UDARA
(SATU PANCANG TEMPURUNG)

TEMPAT PERTAMA : RM 2000.00
TEMPAT KEDUA : RM 1500.00
TEMPAT KETIGA : RM 1000.00
TEMPAT KE 4 HINGGA KE 10 : RM 100.00
TEMPAT KE 11 HINGGA KE 20 : RM 50.00

TARIKH TUTUP PENYERTAAN PADA 18 OGOS 2017
(TERHAD KEPADA 500 PENYERTAAN TERAWAL)

CABUTAN BERTUAH DISEDIAKAN!!

Nama :_____

No. Kad Pengenalan : _____ ***Jantina :*** ☐ ***L*** ☐ ***P***

Alamat :_____

_____ ***Telefon :*** _____

Jumlah layang-layang yang didaftarkan: _____

Pengakuan: Saya bersetuju untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak penganjur dan saya mengaku bahawa jika berlaku apa-apa kehilangan/ kecederaan atas sebab-sebab tertentu sebelum, semasa dan selepas pertandingan adalah di bawah tanggungjawab saya sendiri.

Tandatangan:_____ ***Tarikh:***_____